

# Ucapan PM mungkin ada tindak balas

Daripada HANIFF HADI

NEW YORK, Khamis — Malaysia mungkin menghadapi tindak balas negara, pertubuhan dan pihak tertentu berikutan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkan keras di perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), semalam.

Menurut Perdana Menteri, perkara seperti itu mungkin berlaku dan beliau percaya Malaysia akan menghadapi kemungkinan itu.

"Saya akui ia boleh mendedangkan kesan seperti itu tetapi kita harus menyatakan apa yang benar," katanya.

Ditanya sama ada tindakan seperti itu pernah berlaku, beliau berkata ia memang pernah berlaku di masa lalu tetapi kesannya tidak menjejaskan ekonomi Malaysia.

Dalam ucapannya, semalam, Datuk Seri Dr Mahathir mengkritik dasar negara-negara maju yang mengamalkan tekanan terhadap negara kecil. Beliau menyentuh kepelbagaian tafsiran demokrasi dan bagaimana negara besar cuba menjajah negara miskin dengan cara tafsiran itu.

Beliau juga menegur PBB yang disifatkannya masih dikongkong oleh keputusan Perang Dunia Kedua. Menurutnya, hak PBB tidak sama dan

pertubuhan itu harus memaikan tanggungjawab lebih besar dan susunan majlis keselamatan pula perlu dikaji semula.

Menurutnya, beliau sudah menerangkan kedudukan itu kepada negara-negara Dunia Ketiga dan kebanyakannya menyokong kenyataan beliau itu.

"Bagaimanapun, mereka tidak menyentuhnya di perhimpunan ini mungkin kerana mereka tidak mahu ambil risiko seperti Malaysia," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga mengkritik dasar Israel yang menindas rakyat Palestin dan juga dasar aparteid yang bersifat perkauman.

Perdana Menteri juga berkata, mesyuarat G-15 akan diadakan di Caracas, November ini.

"Saya menemui Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez dan beliau juga mahu sidang itu diadakan pada tarikh yang ditetapkan. Beliau juga mahu kita meneruskan keputusan yang kita capai dulu," katanya.

Menurutnya, ada beberapa pemimpin negara anggota G-15 tidak dapat datang tetapi sidang itu akan tetap diadakan.

Beliau juga berkata, pertemuannya dengan pemimpin Venezuela itu turut mencakup soal perdagangan, khususnya eksport getah dan minyak sawit.

"Ada sedikit sekatan mengenai eksport minyak sawit ke Venezuela sebelum ini, tetapi presiden negara itu memberi jaminan sekatan itu akan dilonggarkan.

"Venezuela juga mahu menjual petroleum (emulsified) ke Malaysia dan kita sedang mengkaji perkara itu. Kami juga membincangkan perdagangan membabitkan barangan lain dari kedua-dua negara," katanya.